

Newspaper	Berita Harian
Date	2 March 2016

5 Soalan

Taktik Dr Mahathir raih simpati

RH - 2/3/2016

» Tindakan bekas PM disifatkan alasan peribadi, bukan suara majoriti

Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad keluar UMNO kali kedua tidak mengejutkan dan dilihat sebagai agenda peribadi untuk menyingkirkan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak. Wartawan BH, Rohaniza Idris menemubual Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman mendapatkan pandangan beliau mengenai tindakan Dr Mahathir itu.

juangan selaras dengan situasi semasa. Orang muda dalam parti tidak hanya membincangkan isu semangat dan perpaduan, malah memfokuskan cabaran dari kekuatan parti termasuk isu ekonomi dan hal ehwal semasa global.

S: Bagaimana Tan Sri melihat tindakan kali kedua Dr Mahathir keluar UMNO?

J: Ini satu lagi tragedi berulang yang membabitkan negarawan, pemimpin yang pernah diangkat oleh UMNO. Sangat sedih kerana negarawan yang pernah disanjung UMNO sanggup berbuat demikian untuk meraih simpati dan sokongan dalam usaha beliau menyingkirkan Presiden parti sedia ada. Ini sudah tentu akan memudaratkan UMNO terutama dalam pilihan raya umum akan datang.

S: Adakah ini satu bentuk ugutan semata-mata untuk memenuhi agenda peribadi Dr Mahathir?

J: Memang ini satu ugutan seperti yang beliau pernah buat pada 2008 untuk menyingkirkan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Sangat sedih kerana ia dila-

kukan orang yang matang dalam politik tanah air sedangkan beliau adalah negarawan disanjung ramai, malah lebih peka dalam isu berkaitan parti. Jika sayang kepada parti, bukan tindakan sebegini dibuat, lebih-lebih lagi untuk kali kedua.

S: Bagaimana dengan kedudukan UMNO dan kesannya tindakan ini kepada perpaduan parti?

J: Taktik Dr Mahathir kali ini saya rasa tidak mendapat simpati ramai kerana orang sudah jemu dengan apa yang beliau buat pada UMNO dan Najib. Impaknya tidak sama dengan tindakan pertama beliau keluar UMNO dulu. Perlu ada tinjauan mengenai perkara ini untuk kita mengetahui kedudukan dan sokongan ramai

terhadap parti. Dalam parti, saya percaya UMNO dalam kedudukan yang selesa kerana bahagian masih percaya dengan kepemimpinan Najib, namun kita tidak tahu dengan sokongan luar parti.

S: Apakah yang UMNO boleh dan perlu lakukan dengan perkembangan terbaru ini?

J: Ahli UMNO perlu diingatkan bahawa sekarang bukan masa untuk menanamkan semangat dan berpegang kepada ideologi serta sejarah semata-mata. Cabaran UMNO berbeza berbanding dulu yang mana ahli ditanamkan dengan semangat kecintaan kepada parti. Ideologi untuk generasi sekarang adalah mengenai masa depan dan hala tuju parti. Per-

S: Bagaimana kesan tindakan Dr Mahathir terhadap Barisan Nasional (BN) dan peluang parti itu pada pilihan raya umum akan datang?

J: Saya percaya dengan semangat BN maka parti komponen lain tidak akan campur tangan. Ini masalah dalaman yang boleh diselesaikan oleh parti masing-masing. Sebelum ini pun, UMNO tidak campur tangan dalam menyelesaikan pergolakan dalaman MIC mahupun MCA, begitu juga parti komponen lain. Saya melihat tindakan Dr Mahathir adalah alasan peribadi semata-mata, bukannya suara majoriti dalam parti. Tidak dinafikan tindakan Perdana Menteri keempat itu pasti memberi kesan terhadap peluang BN pada PRU akan datang, namun kesannya hanya minimum dan pastinya ia tidak boleh dipandang remeh oleh jentera parti yang seharusnya mempergiatkan usaha meningkatkan sokongan rakyat.